KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	01.06.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JKPTG			

MPKj akan temui pemilik tanah untuk tindakan

Dari Muka 1

Keadaan sekeliling juga tidak menyelesakan dengan bau busuk daripada sampah yang dibuang merata-rata ke dalam tasik, selain air tasik berwarna hitam pekat.

Pegawai Perhubungan Awam, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kamarul Izlan Sulaiman ketika dihubungi *BH* berkata, tasik berkenaan dijadikan tempat pembuangan sampah haram dan beberapa aduan penduduk berhubung perkara itu diterima MPKj sejak lebih sebulan lalu.

Beliau berkata, pagi semalam, pegawai MPKj turut ke kawasan tasik berkenaan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk melakukan pemeriksaan berhubung tahap pencemaran yang berlaku.

"Kita tidak menolak kemungkinan bau kurang menyenangkan yang dihidu penduduk setempat dan kawasan berhampiran adalah berpunca daripada sampah domestik yang dibuang di tasik berkenaan," katanya.

Kamarul Izlan berkata, sejak sebulan lalu MPKj sudah pun mengambil beberapa tindakan, termasuk membuat pemantauan di lokasi terbabit.

"Semakan awal kita mendapati tanah berkenaan adalah milik persendirian, justeru pihak MPKj hanya boleh membuat halangan di laluan masuk ke kawasan itu serta membuat pemantauan berkala," katanya.

Setakat ini, katanya, enam lori yang cuba membuang sampah di tasik berkenaan berjaya ditahan MPKj.

MPKj turut menugaskan anggotanya untuk membuat kawalan dan pemantauan di kawasan terbabit untuk menghalang tindakan mana-mana pihak yang mahu membuang sampah di tasik itu dan kawasan berhampiran.

"Selepas isu ini mendapat perhatian pelbagai agensi lain, kita mendapati kegiatan pembuangan sampah di situ semakin berkurangan.

"MPKj akan buat semakan lanjut dengan Pejabat Daerah dan Tanah untuk mengenal pasti pemilik tanah dan mengadakan perbincangan untuk tindakan sewajarnya," katanya.

Isu berkenaan turut mendapat perhatian Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Ahli Parlimen Bangi, Dr Ong Kian Ming.

Tuan Ibrahim lantas meminta JAS agar segera menjalankan siasatan berhubung pencemaran yang berlaku di tasik berkenaan.

Beliau menerusi hantaran di laman Facebook, beliau dimaklumkan penduduk di kawasan berkenaan yang menghidu bau kurang menyenangkan yang didakwa dari tasik yang dikesan dijadikan tempat pelupusan sampah haram.

"Seawal pagi saya telah *ditagged* (dimaklumkan) penduduk Bandar Mahkota Cheras.

"Mereka hidu bau busuk dan beberapa keping gambar telah dilampirkan yang didakwa menjadi punca pencemaran.

"Saya telah kongsikan info ini kepada KP (Ketua Pengarah) JAS untuk tindakan susulan. Insya-Allah, saya akan kemas kini hasil siasatan dan maklum balas daripada pihak JAS nanti. Insya-Allah. Terima kasih atas kerjasama penduduk Bandar Mahkota Cheras!," katanya.

Kian Ming yang turut memuat naik gambar tasik berkenaan menerusi Twitternya berkata: "Tasik Hitam di Bandar Mahkota Cheras bertukar jadi tempat pembuangan sampah haram. Melawat tempat itu pagi ini. Majlis Perbandaran Kajang serta Pejabat Daerah dan Tanah akan ambil tindakan susulan."



Tasik bekas kuari di Bandar Mahkota Cheras yang didakwa menjadi tempat pembuangan sampah haram menyebabkan bau tidak menyenangkan di kawasan sekitar. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

> "Semakan awal kita mendapati tanah berkenaan adalah milik persendirian, justeru pihak MPKj hanya boleh membuat halangan di laluan masuk"



Kamarul Izlan Sulaiman, *Pegawai Perhubungan Awam, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj*

BH010622_4